

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE IMPORTANCE OF DOCUMENTING BREASTFEEDING PRACTICES
AMONG WET NURSING MOTHERS IN HULU LANGAT SELANGOR]**

**KEPENTINGAN PENDOKUMENTASIAN AMALAN PENYUSUAN DALAM
KALANGAN IBU SUSUAN DI DAERAH HULU LANGAT SELANGOR**

AMIRAH HUWAINA NOR HAZANI¹
ZULIZA MOHD KUSRIN¹

¹Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: zuli@ukm.edu.my

Received Date: 23 Mac 2022 • Accepted Date: 30 April 2020

Abstract

The practice of wet nursing a baby from other than the birth mother, causes the implications of sharia, which is lineage that forbids marriage between the baby and the family of the wet nursing mother. Therefore, it is important to document the practice of wet nursing infants other than the mother, to avoid duplication of lineage in the event of intermarriage, if the practice of wet nursing between them is not known to others. Thus, this study aims to examine the respondent's perceptions on the importance of documenting the practice of wet nursing babies to other than their mothers, among wet nursing mothers in the district of Hulu Langat Selangor. This survey study uses a questionnaire as a research instrument. The respondents of the study were 72 Muslim wet nursing mothers who were or had breastfed other people's babies. Data obtained online were analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS-PC version 22.0) to determine the mean values, standard deviation, frequency and percentage that explain the perception of the importance of wet nursing documentation. The findings of the study showed that the perception of wet nursing mothers on the importance of documentation of wet nursing children was at a very high level (mean = 4.64, SP = 0.65). The implications of the study suggest the dissemination of information to the Muslim community about the importance of documenting information on infant wet nursing practices to other than the birth mother, in order to avoid cases of overlapping wet nursing mahrams. Registration of wet nursing practices must be registered through the My-Rada'ah system in Selangor..

Keywords: Hadith Mawdu', al-Albani, Kitab Silsilah al-Ahadith wa al-Mawdu'ah, hadith criterias

Abstrak

Amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya, menyebabkan berlaku implikasi syarak, iaitu penasaban yang mengharamkan pernikahan antara bayi dan keluarga ibu susuan tersebut. Oleh itu pendokumentasian amalan penyusuan bayi kepada selain ibunya penting dilaksanakan, bagi mengelakkan berlaku pertindanan nasab jika berlaku pernikahan sesama anak susuan, jika amalan penyusuan antara mereka tidak diketahui orang lain. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji persepsi responden terhadap kepentingan pendokumentasian amalan penyusuan bayi kepada selain ibunya, dalam kalangan ibu susuan di daerah Hulu Langat Selangor. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian adalah 72 orang ibu susuan Muslim yang sedang atau pernah menyusukan bayi orang lain. Data yang diperolehi secara dalam talian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan program Statistical Package for Social Sciences (SPSS-PC versi 22.0) bagi menentukan nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan peratus yang menjelaskan persepsi terhadap kepentingan dokumentasi anak susuan. Dapatkan kajian menunjukkan persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dokumentasi anak susuan berada pada tahap sangat tinggi ($\text{min}=4.64$, $\text{SP}=0.65$). Implikasi kajian mencadangkan penyebaran maklumat kepada masyarakat Muslim tentang kepentingan mendokumentasi maklumat amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya, bagi mengelakkan kes pertindanan mahram susuan. Pendaftaran amalan penyusuan tersebut perlu didaftarkan melalui sistem My-Rada'ah di Selangor.

Kata kunci: Ibu Susuan, Nasab Keturunan, Bayi, Hukum Syarak, Dokumentasi

Cite as: Amirah Huwaina Nor Hazani & Zuliza Mohd Kusrin. 2022. [The importance of documenting breastfeeding practices among wet nursing mothers in Hulu Langat Selangor] Kepentingan pendokumentasian amalan penyusuan dalam kalangan ibu susuan di Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 217-235.

PENGENALAN

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2005), penyusuan merupakan perihal (perbuatan) menyusui bayi di mana pemendekan tempoh penyusuan kepada bayi boleh membahayakan kesihatannya manakala anak susuan ialah anak yang masih menyusu atau anak orang yang disusui. Penyusuan anak susuan (*radā'ah*) yang dibahaskan di dalam kajian ini pula merujuk kepada perbuatan menyusui bayi oleh orang lain selain ibu kandung. Amalan penyusuan anak susuan merupakan amalan kebiasaan bagi para ibu, sama ada yang mampu melahirkan anak ataupun yang tidak mampu melahirkan anak. Susu ibu penting untuk kesihatan anak terutamanya dalam kalangan bayi pra-matang. Menurut Kramer MS (2003), pemberian susu ibu kepada anak juga mampu membantu proses tumbesaran pada anggota badan anak serta memberikan kesihatan yang baik kepada anak. Amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya, semakin dikenali dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, timbul isu mengenai kefahaman masyarakat tentang hukum yang melibatkan amalan penyusuan tersebut dan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dokumentasi amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya.

Artikel ini membincangkan dapatan kajian tentang amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya dan kesedaran tentang kepentingan dan keperluan dokumentasi amalan penyusuan bayi orang lain tersebut, dalam kalangan ibu susuan yang beragama Islam di Hulu Langat Selangor. Statistik deskriptif iaitu nilai kekerapan, peratus, sisihan piawai, min dan pangkatan digunakan untuk menjelaskan profil responden (umur, lokasi tempat tinggal, status perkahwinan, kelulusan akademik, pekerjaan, pendapatan isi rumah, bilangan anak dan situasi semasa responden). Data yang dianalisis adalah data kuantitatif yang dikutip melalui edaran soal selidik kepada 72 orang responden, terdiri daripada ibu susuan yang beragama Islam di daerah Hulu Langat, Selangor, berkaitan kefahaman hukum hakam penyusuan dan kepentingan dokumentasi amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya. Perisian *SPSS versi 22.0* digunakan untuk membuat analisis.

KAJIAN LALU

Penyusuan susu ibu merupakan amanah yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para ibu dan merupakan titik permulaan bagi mereka yang bergelar ibu bagi melaksanakan tanggungjawabnya selepas melahirkan anak. Tempoh penyusuan yang diperuntukkan berdasarkan sistem shari'ah Islam ialah sehingga anak tersebut mencapai umur dua tahun sekiranya si ibu berkemampuan (al-Sharbajī, 1987). Dalam tempoh tersebut, antara cabaran yang perlu dilalui oleh seorang ibu ialah memastikan anak mereka mendapat bilangan penyusuan yang mencukupi setiap hari dan memastikan kekerapan yang betul semasa proses penyusuan.

Manfaat susu ibu terhadap kesihatan anak memang tidak dapat dinafikan kelebihannya. Kajian Normadiah Daud et al. (2016) menunjukkan susu ibu merupakan makanan dan minuman yang terbaik untuk kesihatan anak yang baharu lahir sehingga mencapai umur enam bulan. Selain kelebihan susu ibu untuk menjamin kesihatan, susu ibu juga diyakini dapat menjalin dan memperkuuhkan kasih sayang antara ibu dan anak. Amalan penyusuan anak sendiri juga mempunyai pelbagai manfaat yang lain. Antara keistimewaan penyusuan susu ibu yang agak signifikan terhadap kesihatan bayi ialah amalan ini mampu menyelamatkan nyawa bayi, terutamanya bagi keluarga yang kurang berkemampuan dari aspek ekonomi untuk menampung kos rawatan perubatan bayi, seperti golongan yang berada pada taraf hidup yang rendah atau daif (susah).

Kelebihan khasiat susu ibu yang telah diiktiraf oleh badan perubatan berupaya membanteras kesan negatif penyusuan gantian atau penggunaan susu formula. Berikut dengan itu, saranan yang dibuat oleh Badan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tabung Kesihatan Sedunia Kanak-Kanak (UNICEF) pada tahun 2002 mengenai Strategi Global Pemakanan Anak dan Kanak-kanak telah mendapat sokongan penuh daripada semua negara (Kent, 2006). Strategi ini telah menggalakkan semakin ramai ibu di seluruh dunia meyakini khasiat susu ibu melalui kaedah penyusuan susu ibu secara eksklusif selama enam bulan, walaupun mereka terpaksa menghadapi pelbagai kesukaran.

Sokongan dan pengiktirafan badan dunia terhadap manfaat susu ibu terhadap kesihatan bayi telah menggalakkan lagi amalan penyusuan susu ibu dalam kalangan masyarakat, termasuk di Malaysia. Bagaimanapun, terdapat individu yang berhadapan masalah dalam menunaikan tanggungjawab menyusukan bayi mereka disebabkan oleh beberapa faktor, seperti kemelut politik dan ekonomi, bencana alam dan juga faktor kesihatan ibu yang tidak membolehkannya

menyusukan bayi. Kebanyakan ibu muda yang melahirkan bayi juga mempunyai masalah dari sudut kurangnya penghasilan air susu ibu untuk diberikan kepada anak mereka. Amalan memberikan susu formula didapati memberi kesan negatif kepada sebahagian bayi. Kajian di Indonesia 2001, daripada tinjauan Kesihatan Nasional (SURKERNAS) mendapati bahawa angka penyakit (*mordibiti*) yang berkait dengan penyusuan telah meningkat. Peratusan anak yang menghadapi jangkitan pernafasan akut 27.6 peratus, cirit-birit 9.4 peratus, saraf 3.7 peratus, sistem pencernaan 4.3 peratus dan jangkitan lain 1 peratus. Dalam pada itu, anak yang tidak mendapat susu ibu pada awal kelahirannya mempunyai tahap IQ (*Intellectual Quotient*) yang rendah iaitu antara 7 hingga 8 mata berbanding dengan anak yang mendapat susu ibu secara eksklusif (Hery Susanto & Rocky Wilar, 2015).

Terdapat juga para ibu yang menyedari tentang pentingnya khasiat susu ibu, namun, tidak mampu menyusukan anak mereka disebabkan masalah dan cabaran tertentu seperti penghasilan susu yang tidak mencukupi dan kesukaran wanita atau ibu untuk memerah susu badan semasa bekerja. Masalah ini perlu ditangani berikutan ia seringkali berlaku dalam kalangan wanita atau ibu muda yang bekerja, melibatkan 73.4 peratus wanita atau ibu muda iaitu yang dalam lingkungan umur 25 hingga 34 tahun dan 66.8 peratus wanita atau ibu yang berusia antara 35 hingga 44 tahun (Zaitie Satibi 2017). Selain kesukaran yang dihadapi bagi memerah susu, wanita atau ibu yang bekerja juga akan berhadapan risiko kekeringan susu badan. Ini adalah kerana keletihan dan tekanan kerja mahupun hidup merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya penghasilan susu ibu (Nik Hazlina, 2020).

Cabarannya tersebut mendorong para ibu mencari alternatif untuk menyusukan anak dengan susu ibu (susu badan). Antaranya melalui amalan mendapatkan bekalan air susu ibu daripada selain ibu kandung bayi, mendapatkan susu ibu daripada bank susu, pembelian susu ibu di pasaran tempatan dan mendapatkannya melalui penjualan susu ibu yang tidak beretika, bagi memastikan anak mereka mendapat khasiat susu yang mencukupi.

Berdasarkan perspektif Islam, amalan penyusuan anak susuan adalah melalui mengalirkan susu perempuan ke dalam perut anak (al-Sharbājī, 1987). Oleh itu setelah susu ibu sampai ke dalam perut anak yang umurnya tidak melebihi dua tahun hijrah serta mencapai syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak, anak tersebut sah menjadi anak susuan dan berhak mendapat hak yang patut diberikan kepada anak susuan tersebut seperti hak mahram yang tidak mengharamkan aurat sesama mereka, tidak berlaku pembatalan wuduk apabila bersentuhan. Oleh itu isu berkaitan dengan mahram akibat penyusuan bayi kepada ibu susuan selain ibunya perlu diurus dengan baik bagi mengelakkan berlakunya kes perkahwinan sesama mahram di masa hadapan.

Pada 13-15 Oktober 2011, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-96 telah berbincang mengenai hukum wanita menyusukan anak angkat dan Muzakarah telah memutuskan bahawa Islam menggalakkan setiap ibu yang melahirkan anak agar menyusukan sendiri anak mereka sehingga mencapai umur dua tahun. Bagaimanapun Islam turut membenarkan wanita yang tidak mampu melahirkan anak memberikan susu mereka kepada anak angkat yang mereka ambil dengan bantuan rawatan perubatan. Keputusan yang diambil adalah berdasarkan pandangan *jumhūr fuqahā'* sebagaimana pandangan Mazhab Shāfi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali bahawa seseorang wanita itu harus menyusukan bayi orang lain, walaupun wanita tersebut tidak hamil tetapi air susu badannya terhasil kesan tindak balas pengambilan ubat yang boleh merangsang penghasilan air susu ibu

tersebut. Oleh itu, wanita juga tidak disyaratkan perlu mempunyai suami yang menyebabuhinya sehingga menyebabkannya hamil, bagi menghasilkan air susu sebelum membuat penyusuan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013).

Selari dengan kemajuan teknologi masa kini, pelbagai produk berasaskan susu ibu telah dihasilkan sebagai alternatif untuk memudahkan masyarakat dalam pemberian susu ibu, serta bagi memastikan penyusuan secara eksklusif dapat dilakukan dengan jayanya. Penyusuan secara eksklusif merupakan teknik penyusuan yang mana anak hanya diberikan susu ibu selama enam bulan pertama selepas kelahirannya. Selain itu, antara kaedah penyusuan yang menjadi topik utama perbincangan masyarakat masa kini, sama ada dalam kalangan para ulama' kontemporari atau masyarakat umum adalah mengenai bank susu ibu.

Bank susu ibu diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2006 oleh Mantan Ketua Pengarah KKM, YBhg. Datuk Dr. Ismail Merican. Beliau mengetengahkan mengenai isu penubuhan bank susu dalam ucapan perasmianya di seminar Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Islam. Selain itu, beberapa pusat perubatan dan badan bukan kerajaan juga turut mencadangkan penubuhan bank susu ibu namun KKM tidak mengemukakan apa-apa respons mengenai cadangan tersebut (Taqwa 2012). Taqwa (2012) mencadangkan beberapa kaedah bagi mengantikan bank susu ibu iaitu penubuhan tabung susu ibu, penghasilan produk susu berasaskan susu ibu dan pencarian ibu susuan melalui layar internet seperti laman sosial. Walau bagaimanapun kaedah yang digunakan untuk mendapatkan susu ibu, sama ada melalui amalan pengambilan susu daripada selain ibu kandung atau proses perubatan yang membolehkan wanita menghasilkan air susu tanpa perlu bersalin, perlu dilakukan dengan berhati-hati. Hal ini penting untuk mengelakkan isu pertindihan nasab antara adik beradik susuan ataupun keluarga susuan.

Sesuai dengan perkembangan tersebut, kaedah mendokumentasi amalan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya, telah dilaksanakan oleh beberapa institusi kerajaan. Jabatan Agama Islam Selangor yang merupakan negeri pertama melaksanakan dokumentasi anak susuan tersebut melalui kaedah pendaftaran kad susuan yang dinamakan Kad My-Rada'ah, kepada para ibu bagi mengelakkan permasalahan yang membabitkan perkahwinan antara adik beradik susuan (Ruwaida Md Zain, 2018). Di samping itu, pertubuhan NGO Kelab Sokongan Penyusuan anak susuan Johor Bharu (KSPSIJB) telah mengambil inisiatif mewujudkan pangkalan data mengenai ibu susuan dan anak susuan dalam usaha merekod amalan penyusuan antara ibu susuan dan anak susuan, bertujuan untuk mewujudkan jaringan sosial dengan keluarga kandung anak susuan (Hidayah, 2008).

Tinjauan awal yang dilakukan oleh Siti Fatimah Salleh (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk '*Pengendalian Dokumentasi Anak Susuan dalam Kalangan Ibu Susuan*' bagaimanapun telah memberikan suatu rumusan bahawa tahap kesedaran masyarakat berkaitan kepentingan mendokumentasi masih rendah di mana hasil temubual yang dijalankan terhadap 5 orang responden yang berstatus ibu susuan mendapati bahawa kesemua ibu susuan tersebut tidak merekod sebarang dokumentasi penyusuan serta tidak menitikberatkan beberapa perkara yang penting seperti tidak mencatat nama anak-anak ibu susuan, ibu bapa anak susuan, dan alamat mereka. Isu pertindanan mahram perlu ditangani kerana Siti Fatimah Salleh (2017) mendapati pihak berkuasa tidak membuat pemantauan terhadap ibu susuan dan anak susuan serta proses dokumentasi secara rasmi juga tidak dilakukan. Oleh itu beliau mencadangkan satu bentuk dokumentasi berbentuk catatan perlu dilakukan dalam proses penyusuan antara ibu dan anak susuan perlu dilaksanakan melalui kaedah *sadd al-dhara'i* (Siti Fatimah Salleh, 2017).

Bukti penyusuan yang berlaku antara ibu dan anak susuan yang dikenali sebagai “tuntutan akad penyusuan” juga turut ditulis di dalam kitāb karya al-Mughnī pada tahun 1997. Menerusi kitāb ini, para ulama’ bersepakat menetapkan empat syarat dalam menjalani akad penyusuan. Pertama, tempoh atau masa proses penyusuan perlu jelas. Kedua, meneliti keadaan anak dari sudut perubahan anggota badannya samaada besar atau kecil dan ketiga, tempat anak tersebut disusukan. Hal ini kerana, tempat penyusuan akan memberi kesan kepada upah yang perlu diberikan kepada ibu susuan tersebut (al-Maqdisi, 1997).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Penubuhan Bank Susu. Muzakarah tersebut telah membuat keputusan bahawa hukum penubuhan bank susu saling berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman disebabkan susuan di mana golongan anak yang meminum susu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan *jumhūr fuqahā’* bahawa seseorang anak itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung dari payudara atau penyusuan secara tidak langsung. Juga berdasarkan ḥadīth riwayat Abū Dawud (*Abū Dawud, Sunan, Kitāb Nikah, Bab fi Radā’ah al-Kabīr*. No. 2059:

لَا رِضَاعٌ إِلَّا مَا شَدَ اللَّعْنُومُ وَأَبْتَثَ اللَّحْمَ

Maksudnya: Tidak berlaku hukum penyusuan melainkan dengan apa yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan. Justeru itu Muzakarah tersebut memutuskan bahawa harus bagi ibu-ibu lain yang berkemampuan menghasilkan air susu untuk menderma susu mereka secara sukarela kepada anak-anak yang memerlukan, dengan syarat keluarga bayi serta penderma susu tersebut perlu mengenali antara satu sama lain. Hal ini bertujuan memenuhi keperluan anak pra-matang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang bermasalah menghasilkan susu ibu atau mempunyai penyakit kronik atau/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi mereka.

Melihat kepada risiko pertindihan nasab yang mungkin timbul dalam kalangan masyarakat, kesan daripada penubuhan bank susu ibu tanpa kawalan syarak, maka mantan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zulkifli Mohamad al-Bakri (2016) menerusi penulisan *Bayan Linnas Siri 70: Isu Berkenaan Ibu Susuan & Pelbagai Hukum (Kad Atau Sijil Susuan)* telah menyediakan syarat bagi penubuhan bank susu ibu. Penubuhan bank susu ibu diharuskan dengan syarat susu ibu yang diberikan kepada anak susuan oleh seorang wanita sahaja dan tidak ada percampuran bagi mengelakkan percampuran nasab. Syarat yang kedua ialah pihak pengurusan bank susu tersebut haruslah menyediakan sijil “Ibu Susuan” agar hubungan ibu susuan dan adik beradik susuan dengan anak tersebut diketahui. Pendapat ini juga turut digunakan oleh Wahbah al-Zuhayli (2010) berkenaan pandangan beliau mengenai pengharusan penubuhan bank susu ibu.

Sehubungan itu, mantan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zulkifli Mohamad al-Bakri (2016) mencadangkan agar Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri

dan juga hospital agar turut bekerjasama bagi mengumpulkan data ibu susuan kepada anak susuannya selain daripada anak kandungnya supaya status anak susuannya didaftarkan melalui kaedah penyediaan kad atau sijil sabitan penyusuan untuk kegunaan pada masa hadapan anak tersebut bagi mengelakkan kecelaruan mahram dan mengelakkan terjadinya perkahwinan antara anak susuan tersebut dan adik-beradik susuannya. Penderma susu ibu juga perlu menulis nama ibu susuan yang memberi sumbangan kepada anak susuannya. Hal ini kerana, pendapat masyhur dan muktamad menetapkan jumlah bilangan lima kali kenyang menyabitkan hubungan anak dan ibu susuan.

Menurut Normadiah Daud (2014) pembentukan bank susu ibu tidak lagi diharamkan jika tiada sebab berlakunya pengharaman dalam proses penyusuan tersebut. Hal ini kerana tujuan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia menetapkan hukum penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan kerana bimbang berlakunya kecelaruan nasab. Justeru, Normadiah Daud (2014) mengusul beberapa cadangan bagi mengelakkan kecelaruan tersebut. Antaranya Pihak Kementerian Kesihatan perlu menyediakan satu makmal khas bagi mengumpulkan kesemua susu ibu yang telah disumbangkan seterusnya mengasingkan susu-susu ibu antara seorang ibu dengan seorang ibu yang lain serta mencatat nama para ibu tersebut pada setiap botol susu tersebut. Beliau juga mencadangkan agar Majlis Agama Islam Negeri menyediakan satu borang kepada pasangan yang bakal berkahwin sama ada pernah menjadi anak susuan atau tidak bagi mengelakkan perkahwinan sesama mahram.

Berdasarkan cadangan-cadangan yang diusulkan oleh Normadiah (2014) dan beberapa pengkaji lain, dapat dilihat bahawa pentingnya amalan pendokumentasian penyusuan anak susuan ini bagi mengelakkan kecelaruan agar pemberian susu ibu dapat diteruskan bagi menjamin kesihatan anak.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ialah secara tinjauan, menggunakan pendekatan kuantitatif dalam mengumpul data dan maklumat (Creswell dan Clark, 2007). Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik. Data kuantitatif diperoleh melalui edaran soal selidik kepada responden kajian yang terdiri daripada seramai 72 orang, terdiri daripada sama ada ibu susuan atau ibu angkat. Dalam kajian ini, responden kajian yang terdiri daripada ibu susuan di daerah Hulu Langat, Selangor yang pernah menyusui anak orang lain melengkapkan soal selidik berkaitan persepsi terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan.

Dapatkan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada ibu susuan di daerah Hulu Langat Selangor sahaja memandangkan responden kajian adalah daripada populasi ibu susuan di daerah Hulu Langat, Selangor sahaja. Hal ini kerana, proses pengecaman ibu susuan yang menyusui anak orang lain agak sukar untuk dilakukan. Segelintir ibu susuan memilih untuk menyembunyikan identiti mereka sebagai ibu susuan daripada pengetahuan umum atas anggapan bahawa perkara tersebut menyentuh sensitiviti mengenai status diri mereka sebagai ‘ibu susuan’. Oleh itu, pendekatan yang diambil adalah mencari sampel kajian dengan cara mengedarkan soal selidik secara dalam talian menggunakan *google form*. *Google form* disebarluaskan melalui aplikasi *whatsapp* dan *facebook* beberapa kelab yang dianggotai oleh ibu susuan di daerah Hulu Langat Selangor. Antara kelab tersebut ialah Kumpulan Ibu Susuan

(*Induced Lactation*), Kelab Ibu Susuan, Kumpulan Sokongan Susu Ibu Untuk Anak Angkat dan *Malaysian Breastfeeding Peer Counselor Association*.

Soal selidik memfokuskan kepada konstruk persepsi terhadap pendokumentasian yang mengandungi dua sub konstruk iaitu kepentingan dokumentasi penyusuan dan kaedah dokumentasi berkesan. Teori yang mendasari model, konsep dan pendapat yang berkaitan dengan kajian telah dirujuk dalam pembinaan item soal selidik. Pembinaan item soal selidik merujuk kajian Kefahaman Ahli Akademik IPTA Kuala Terengganu Terhadap Konsep Penyusuan anak susuan Menurut Perspektif Islam (Normadiah Daud, 2015) dan Hukum-Hukum Penyusuan Terhadap Anak Susuan: Kajian Kesedaran Ibu susuan yang beragama Islam di Selangor (Zanariah Dimon, 2017) menjadi rujukan utama bagi kajian ini.

Soalan mengandungi sembilan item bagi menjawab persoalan kajian tentang persepsi terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi. Lima item untuk menilai kepentingan dokumentasi penyusuan iaitu rekod amalan penyusuan antara bayi kepada selain ibu kandungnya manakala empat item lagi untuk menilai kaedah dokumentasi amalan penyusuan berkesan. Empat item tersebut memfokuskan pandangan ibu susuan terhadap amalan dokumentasi penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya. Kaedah dokumentasi berkesan yang dinyatakan ialah ibu susuan perlu mencatat butiran penyusuan sebagai bukti penyusuan, pihak-pihak yang terlibat dalam amalan penyusuan selain bayi kandungnya perlu melaporkan atau memaklumkan amalan penyusuan tersebut sesama ahli keluarga mereka, pihak-pihak berkuasa perlu mewujudkan sistem perekodan atau pendaftaran dan pihak-pihak terlibat dengan amalan penyusuan tersebut, iaitu ibu dan anak susuan perlu dibekalkan sijil atau kad *rađā’ah* (penyusuan) seperti sijil dan kad perkahwinan.

PERBINCANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Responden kajian terdiri daripada sejumlah 72 orang ibu susuan yang pernah menyusui anak susuan, tiada pertalian darah daging dengan ibu susuan dan menetap di daerah Hulu Langat, Selangor. Responden terdiri daripada ibu susuan yang pelbagai latar belakang. Profil lengkap responden adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Profil responden kajian

Latar Belakang Responden		Kekerapan (N)	Peratus (%)
Umur	Kurang dari 25 tahun	6	8.1%
	31-35 tahun	25	33.8%
	Lebih dari 35 tahun	26	35.1%
Status perkahwinan		15	23%
	Berkahwin Janda	64	86.5%
	Bujang	2	2.7%
		8	10.8%

Kelulusan pendidikan	SPM STPM	8	10.8%
	Diploma	3	4.1%
	Ijazah sarjana muda Ijazah sarjana	13	17.6%
	Ijazah doktor falsafah Lain-lain	41	55.4%
		6	8.1%
Pekerjaan		1	1.4%
		2	2.7%
	Kerajaan Swasta	31	41.9%
		20	27%
	Bekerja sendiri Bersara	5	6.8%
Pendapatan isi rumah	Tidak bekerja	0	0%
		18	24.3%
	Kurang daripada RM 1,300	10	13.5%
	RM 1300 - RM 3,000	16	21.6%
	RM3,000 – RM5,000	18	24.3%
Bilangan anak	RM5,000 ke atas	30	40.5%
	Kurang daripada 3 orang	41	55.4%
	3 hingga 5 orang	24	32.4%
	6 hingga 9 orang	2	2.7%
	10 orang dan ke atas	0	0%
Situasi semasa Responden	Tiada	7	9.5%
	Mengandung	5	6.8%
	Mempunyai Anak Berumur 6 Bulan ke bawah	10	13.5%
	Mempunyai Anak Berumur 2 Tahun Ke bawah	31	41.9%
	Selain Di Atas	28	37.8%
Pilihan klinik untuk rawatan ketika mengandung	Klinik kesihatan daerah	45	62.5%
	Hospital kerajaan	10	13.9%
	Klinik swasta	9	12.5%
	Hospital swasta	8	11.1%

Sumber: Data soal selidik 2021

Dapatan analisis dalam Jadual 1 menunjukkan frekuensi dan peratus responden mengikut faktor demografi. Bagi memudahkan proses analisis data profil responden, pembahagian profil responden kepada 8 komponen yang merujuk kepada faktor dalam soal selidik telah dibuat. Faktor demografi tersebut merangkumi umur responden, status perkahwinan, kelulusan pendidikan, pekerjaan, pendapatan isi rumah, bilangan anak, situasi semasa responden dan pilihan klinik untuk rawatan ketika mengandung.

Jadual 2 : Umur responden

1. Faktor	2. Kategori	3. N	4. Peratus
5. Umur	6. Kurang dari 25 tahun	7. 6	8. 8.1%
9.	10. 25-30 tahun	11. 25	12. 33.8%
13.	14. 31-35 tahun	15. 26	16. 35.1%
17.	18. Lebih dari 35 tahun	19. 15	20. 23%
21. Jumlah	22.	23. 72	24. 100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 2 menunjukkan taburan data umur responden. Seramai 6 orang (8.1%) responden berusia kurang dari 25 tahun, 25 orang (33.8%) berusia dalam lingkungan 25-30 tahun, 26 orang (35.1%) berumur antara 31-35 tahun dan 15 orang (23%) sahaja berumur lebih daripada 35 tahun. Ini menunjukkan majoriti responden adalah dalam lingkungan umur antara 31- 35 tahun.

Jadual 3 : Status perkahwinan

25. Faktor	26. Kategori	27. N	28. Peratus
29. Status perkahwinan	30. Berkahwin	31. 64	32. 86.5%
33.	34. Janda	35. 2	36. 2.7%
37.	38. Bujang	39. 8	40. 10.8%
41. Jumlah	42.	43. 72	44. 100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan data status perkahwinan responden. Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden telah berkahwin iaitu 64 orang (86.5%), 2 orang (2.7%) daripadanya merupakan janda dan bakinya 8 orang (10.8%) masih berstatus bujang. Selain ibu susuan yang sudah atau pernah berkahwin, pengkaji juga melibatkan wanita yang berstatus bujang sebagai responden kajian. Hal ini kerana inovasi dalam sains teknologi pada era globalisasi ini telah menghasilkan beberapa penemuan baharu dalam bidang penyusuan yang membolehkan wanita bujang juga terlibat dengan proses penyusuan anak susuan. Salah satu kaedah yang digunakan oleh wanita bujang ialah pengambilan suntikan hormon sintetik dalam penyusuan. Pengambilan suntikan hormon sintetik (*depo provera*) berfungsi sebagai hormon perangsang susu yang membolehkan ibu susuan berstatus bujang menghasilkan susu untuk diberikan kepada anak susuan atau anak angkat (Siti Fatimah Salleh, 2015).

Jadual 4 : Kelulusan pendidikan

Faktor	Kategori	N	Peratus
Kelulusan pendidikan	SPM	8	10.8%
	STPM	3	4.1%
	Diploma	13	17.6%
	Ijazah sarjana muda	41	55.4%
	Ijazah sarjana	6	8.1%
	Ijazah doktor falsafah	1	1.4%
	Lain-lain	2	2.7%
Jumlah		72	100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 4 pula menunjukkan taburan data kelulusan pendidikan responden. Berdasarkan jadual tersebut, didapati ibu susuan mempunyai tahap kelulusan pendidikan yang berbeza-beza. Perbezaan kelulusan pendidikan ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap tahap kefahaman dan pengetahuan ibu susuan yang berbeza-beza mengenai konsep penyusuan anak susuan dalam undang-undang syariah Islam. Terdapat 8 orang (10.8%) responden mempunyai sijil SPM, 3 orang (4.1%) responden tamat STPM, 13 orang (17.6%) responden lulusan diploma, 41 orang (55.4%) responden lepasan ijazah sarjana muda, 6 orang (8.1%) graduan ijazah sarjana, 1 orang (1.4%) mempunyai ijazah doktor falsafah manakala baki 2 orang (2.7%) mempunyai lain-lain pendidikan.

Jadual 5 : Pekerjaan

Faktor	Kategori	N	Peratus
Pekerjaan	Kerajaan	31	41.9%
	Swasta	20	27%
	Bekerja sendiri	5	6.8%
	Bersara	0	0%
	Tidak bekerja	18	24.3%
Jumlah		72	100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 5 di atas menunjukkan data berkenaan pekerjaan responden. Seramai 31 orang (41.9%) responden berkhidmat sebagai penjawat awam, 20 orang (27%) responden kakitangan swasta, 5 orang (6.8%) bekerja sendiri dan baki 18 orang (24.3%) responden tidak bekerja. Berdasarkan data pekerjaan responden, majoriti responden yang terlibat dengan penyusuan ibu susuan terhadap anak susuan adalah terdiri daripada wanita yang berkerjaya iaitu seramai 61 orang ibu susuan.

Jadual 6 : Pendapatan isi rumah

Faktor	Kategori	N	Peratus
Pendapatan isi rumah	Kurang daripada RM 1,300	10	13.5%
	RM 1300 - RM 3,000	16	21.6%
	RM3,000 – RM5,000	18	24.3%
	RM5,000 ke atas	30	40.5%
Jumlah		72	100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 6 menunjukkan pendapatan isi rumah responden. Seramai 30 orang (40.5%) responden mempunyai pendapatan sebanyak RM 5,000 ke atas, 18 responden (24.3%) mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM3,000 – RM5,000, 16 orang (21.6%) responden berpendapatan antara RM 1300 - RM 3,000 dan bakinya 10 orang (13.5%) responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM 1,300.

Jadual 7 : Bilangan anak

Faktor	Kategori	N	Peratus
Bilangan anak	Kurang daripada 3 orang	41	55.4%
	3 hingga 5 orang	24	32.4%
	6 hingga 9 orang	2	2.7%
	10 orang dan ke atas	0	0%
	Tiada	7	9.5%
Jumlah		72	100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 7 pula menunjukkan taburan data bilangan anak responden. Berdasarkan Jadual 4.8, didapati lebih daripada separuh responden iaitu seramai 41 orang (55.4%) responden mempunyai anak kurang daripada 3 orang, 24 orang (32.4%) mempunyai antara 3 hingga 5 orang anak, 2 orang (2.7%) responden mempunyai 6 hingga 9 orang anak dan 7 orang (9.5%) masih belum mempunyai anak.

Jadual 8 : Situasi semasa responden

Faktor	Kategori	N	Peratus
Situasi semasa responden	Mengandung	5	6.8%
	Mempunyai Anak	10	13.5%
	Berumur 6		
	Bulan Ke bawah		

Mempunyai Anak	31	41.9%
Berumur 2		
Tahun Ke bawah		
Selain Di Atas	28	37.8%
Jumlah	72	100

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 8 menunjukkan taburan data bagi situasi semasa responden semasa menjawab soal selidik ini. 5 orang (6.8%) dalam kalangan responden sedang mengandung, 10 orang (13.4%) dalam kalangan responden mempunyai anak berumur 6 bulan ke bawah, seramai 31 orang (41.9%) mempunyai anak berumur 2 tahun ke bawah dan bakinya seramai 28 orang (37.8%) mempunyai situasi selain di atas.

Persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan)

Jadual 9 menunjukkan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piaawai bagi persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan). Dapatkan juga adalah bagi menjawab persoalan kajian berikut:

Apakah persepsi ibu susuan yang beragama Islam di daerah Hulu Langat, Selangor terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan?

Jadual 9: Persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan)

Item	STS	Kekerapan & KP		Peratus S	SS	Min & Sp
		TS	KP			
D(I)1 Amalan penyusuan anak susuan perlu Direkod	1 (1.4)	1 (1.4)	5 (6.9)	23 (31.9)	42 (58.3)	4.44 (0.80)
D(I)2 Perekodan amalan penyusuan perlu untuk menjaga hubungan mahram	1 (1.4)	1 (1.4)	2 (2.8)	15 (20.8)	53 (73.6)	4.64 (0.74)
D(I)3 Perekodan perlu untuk mengelakkan perkahwinan antara anak susuan dengan keluarga susuan	1 (1.4)	0 (0)	1 (1.4)	14 (19.4)	56 (77.8)	4.72 (0.63)
D(I)4 Perekodan amalan penyusuan membolehkan ibu dan anak susuan mengenali antara satu sama lain	1 (1.4)	0 (0)	2 (2.8)	16 (22.2)	53 (73.6)	4.67 (0.67)
D(I)5 Perekodan amalan penyusuan membolehkan ibu dan anak susuan mengetahui hubungan mahram sesama Mereka	1 (1.4)	0 (0)	1 (1.4)	13 (18.1)	57 (79.2)	4.74 (0.62)
D(II)1 Ibu susuan perlu mencatat butiran penyusuan sebagai bukti penyusuan.	2 (2.8)	2 (2.8)	3 (4.2)	16 (22.2)	49 (68.1)	4.50 (0.92)

D(II)2 Pihak-pihak yang terlibat (contoh: antara ibu susuan dengan keluarga kandung anak susuan) perlu melaporkan amalan penyusuan anak susuan sesama mereka	2 (2.8)	0 (0)	3 (4.2)	16 (22.2)	51 (70.8)	4.58 (0.82)
D(II)3 Pihak-pihak mewujudkan sistem Berkua perlu perekodan atau pendaftaran.	1 (1.4)	0 (0)	4 (5.6)	18 (25.0)	49 (68.1)	4.58 (0.73)
D(II)4 Pihak-pihak terlibat, ibu dan anak susuan perlu dibekalkan sijil atau kad <i>radā'ah</i> (penyusuan) seperti sijil atau kad perkahwinan.	2 (2.8)	0 (0)	6 (8.3)	14 (19.4)	50 (69.4)	4.53 (0.87)
Persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan)						4.60 (0.63)

Sumber: Data soal selidik 2021

Berdasarkan Jadual 9, analisis data dilakukan untuk mengenalpasti persepsi masyarakat dalam kalangan ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) yang dipecahkan kepada persepsi terhadap kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) dan persepsi terhadap amalan dokumentasi berkesan. Secara keseluruhannya, Jadual 9 di atas menunjukkan persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) adalah sangat tinggi dengan nilai min ($M=4.60$, $SP=0.63$). Hal ini menunjukkan ibu susuan amat mengambil berat terhadap amalan dokumentasi penyusuan antara ibu dan anak susuan bagi mengelakkan berlakunya pertindihan nasab antara mereka.

Soalan berkaitan kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) telah dipecahkan kepada dua bahagian. Pertama, kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) dan kedua, kaedah dokumentasi berkesan.

Jadual 10: Kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan)

Tem	STS	Kekerapan & Peratus				Min & SP
		TS	KP	S	SS	
D(I)1 Amalan penyusuan anak susuan perlu Direkod	1 (1.4)	1 (1.4)	5 (6.9)	23 (31.9)	42 (58.3)	4.44 (0.80)
D(I)2 Perekodan amalan penyusuan perlu untuk menjaga hubungan mahram	1 (1.4)	1 (1.4)	2 (2.8)	15 (20.8)	53 (73.6)	4.64 (0.74)
D(I)3 Perekodan perlu untuk mengelakkan perkahwinan antara anak susuan dengan keluarga susuan	1 (1.4)	0 (0)	1 (1.4)	14 (19.4)	56 (77.8)	4.72 (0.63)
D(I)4 Perekodan amalan penyusuan membolehkan ibu dan anak susuan mengenali antara satu sama lain	1 (1.4)	0 (0)	2 (2.8)	16 (22.2)	53 (73.6)	4.67 (0.67)
D(I)5 Perekodan amalan penyusuan	1	0	1	13	57	4.74

membolehkan ibu dan anak susuan (1.4)	(0)	(1.4)	(18.1)	(79.2)	(0.62)
mengetahui hubungan mahram sesama mereka					4.64
Kepentingan Dokumentasi Penyusuan (Rekod Amalan Penyusuan Antara Ibu Dan Anak Susuan)					(0.65)

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 10 menunjukkan peratus, min dan sisihan piawai terhadap setiap item bagi mengukur persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan). Analisis menunjukkan, min keseluruhan bagi persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) ialah 4.64. Ini menunjukkan bahawa persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) adalah pada tahap yang sangat tinggi. Daripada 5 item yang mengukur persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan), skor min bagi empat daripada lima item berada pada tahap yang sangat tinggi (antara 4.64 hingga 4.74). Min tertinggi ialah pada item D(I)5 iaitu “perekodan amalan penyusuan membolehkan ibu dan anak susuan mengetahui hubungan mahram sesama mereka” dengan nilai (Min=4.74, SP=0.62). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dan sangat bersetuju 97.3% bahawa perekodan amalan penyusuan membolehkan ibu dan anak susuan mengetahui hubungan mahram sesama mereka. Ini diikuti dengan item D(I)3, iaitu “perekodan perlu untuk mengelakkan perkahwinan antara anak susuan dengan keluarga susuan” dengan nilai min (Min=4.72, SP=0.63). Analisis juga menunjukkan seramai 97.2% ibu susuan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa perekodan perlu untuk mengelakkan perkahwinan antara anak susuan dengan keluarga susuan.

Dapatkan kajian juga mendapati majoriti ibu susuan bersetuju dan sangat bersetuju (95.8%) bahawa pentingnya dokumentasi penyusuan kerana perekodan amalan penyusuan membolehkan ibu dan anak susuan mengenali antara satu sama lain berdasarkan nilai min yang dicapai bagi item D(I)4, iaitu pada tahap yang sangat tinggi (Min=4.67, SP=0.67). Nilai min bagi item D(I)2 ialah 4.64, SP=0.73, juga menunjukkan pada tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan kebanyakan ibu susuan (94.4%) bersetuju dan sangat bersetuju bahawa perekodan amalan penyusuan perlu untuk menjaga hubungan mahram. Selanjutnya, Jadual 4.18 menunjukkan item D(I)1 memperoleh nilai min terendah (Min=4.44, SP=0.80). Ini bermaksud, bagi setiap item di bawah kepentingan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan), hanya 31.9% ibu susuan yang bersetuju dan hanya 58.3% ibu susuan sahaja yang sangat bersetuju bahawa amalan penyusuan anak susuan perlu direkod. Hal ini kerana, terdapat 6.9% ibu susuan yang masih kurang pasti tentang keperluan merekod amalan penyusuan anak susuan dan anak susuan. Oleh hal yang demikian, ibu susuan perlu didekah dengan kepentingan merekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan kerana melibatkan hubungan mahram susuan antara dua pihak tersebut (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2016). Bagi membuktikan berlakunya hubungan mahram antara ibu susuan dan anak susuan, maka kaedah dokumentasi dalam bentuk catatan antara ibu susuan dan anak susuan perlu dilakukan. Ini adalah merujuk kepada aplikasi kaedah fiqh memelihara agama iaitu *sadd al-dharā'i*’ (al-Siddiqi 2005)

di mana kaedah ini digunakan di dalam Islam sebagai suatu pendekatan untuk memelihara dan mencegah setiap tindakan dan amalan yang boleh membawa kepada kehancuran dan kerosakan masyarakat Islam. Di samping itu, terdapat pelbagai amalan dokumentasi berkesan yang boleh dilakukan oleh pihak yang terlibat bagi memastikan perekodan penyusuan anak susuan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Jadual 11: Kaedah dokumentasi berkesan

Item	STS	Kekerapan &		Peratus S	SS	Min & Sp
		TS	KP			
D(II)1 Ibu susuan perlu mencatat butiran penyusuan sebagai bukti penyusuan.	2 (2.8)	2 (2.8)	3 (4.2)	16 (22.2)	49 (68.1)	4.50 (0.92)
D(II)2 Pihak-pihak yang terlibat (contoh: antara ibu susuan dengan keluarga kandung anak susuan) perlu melaporkan amalan penyusuan anak susuan sesama mereka	2 (2.8)	0 (0)	3 (4.2)	16 (22.2)	51 (70.8)	4.58 (0.82)
D(II)3 Pihak-pihak berkuasa perlu mewujudkan sistem perekodan atau pendaftaran.	1 (1.4)	0 (0)	4 (5.6)	18 (25.0)	49 (68.1)	4.58 (0.73)
D(II)4 Pihak-pihak terlibat, ibu dan anak susuan perlu dibekalkan sijil atau kad <i>radā'ah</i> (penyusuan) seperti sijil atau kad perkahwinan.	2 (2.8)	0 (0)	6 (8.3)	14 (19.4)	50 (69.4)	4.53 (0.87)
Kaedah Dokumentasi Berkesan						4.55 (0.69)

Sumber: Data soal selidik 2021

Jadual 11 menunjukkan peratus, min dan sisihan piawai terhadap setiap item kaedah dokumentasi berkesan. Analisis tersebut adalah bagi mengukur persepsi ibu susuan terhadap kaedah dokumentasi berkesan. Analisis menunjukkan skor min bagi persepsi ibu susuan terhadap kaedah dokumentasi berkesan berada antara 4.50 hingga 4.58. Daripada empat item yang terdapat dalam konstruk kaedah dokumentasi berkesan, terdapat dua item yang menunjukkan skor min pada tahap yang sangat tinggi iaitu melebihi 4.51 manakala selebihnya mencatatkan skor min pada tahap yang tinggi iaitu antara 3.51 hingga 4.50. Namun secara keseluruhannya, persepsi ibu susuan terhadap kaedah dokumentasi berkesan berada pada tahap yang sangat tinggi dengan nilai min 4.55, SP=0.69. Analisis menunjukkan terdapat dua item yang mencapai skor min tertinggi bagi persepsi terhadap kaedah dokumentasi berkesan iaitu item D(II)2 dan D(II)3 dengan min masing-masing 4.58. Analisis juga menunjukkan, sebanyak 93.1% ibu susuan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pihak berkuasa yang berkenaan perlu mewujudkan sistem perekodan atau pendaftaran manakala 93% ibu susuan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pihak yang terlibat seperti ibu susuan dan keluarga kandung anak susuan perlu melaporkan amalan penyusuan anak susuan sesama mereka. Hal ini kerana, berdasarkan tinjauan awal kajian Halimatus Saadiah (2020) yang bertajuk *Pengendalian Dokumentasi Anak Susuan dalam Kalangan Ibu Susuan*, tiada lagi enakmen yang dibentuk oleh pihak berkuasa yang

berperanan memantau penyusuan anak susuan melibatkan ibu bapa susuan dan ibu bapa kandung anak susuan serta penjaganya.

Seterusnya, bagi item D(II)4 yang mencapai skor min 4.53, SP=0.87, sebanyak 88.8% ibu susuan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pihak terlibat, iaitu ibu dan anak susuan perlu dibekalkan sijil atau kad *rađā’ah* (penyusuan) seperti sijil atau kad perkahwinan. Manakala 19.4% memberi respons “tidak pasti”. Keratan akhbar *Harian Metro* pada tahun 2018, menyatakan pihak Jabatan Agama Islam Selangor telah memperkenalkan kad khas yang dikenali sebagai Kad MyRađā’ah bagi anak yang mendapat susu daripada wanita selain daripada ibu kandung yang berfungsi untuk merekodkan pendaftaran anak dan ibu susuan serta mengelakkan masalah kekeliruan nasab. Oleh hal yang demikian, ibu susuan sama ada yang telah berkahwin atau belum berkahwin diwajibkan membuat pendaftaran di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Selangor jika berminat untuk menjadi ibu susuan kepada selain anak kandung mereka. Analisis seterusnya juga mendapati item D(II)1 memperoleh skor min pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 4.50, SP=0.92, di mana sebanyak 90.3% ibu susuan yang bersetuju dan sangat bersetuju bahawa ibu susuan perlu mencatat butiran penyusuan sebagai bukti penyusuan. Selain daripada pihak lain melaksanakan kaedah dokumentasi yang berkesan, seharusnya ibu susuan itu sendiri mengambil inisiatif terlebih dahulu dengan melakukan catatan amalan penyusuan dengan anak susuannya. Hal ini kerana, penyusuan tersebut boleh membawa implikasi kepada hukum halal dan haram hubungan kekeluargaan antara ibu susuan dan anak yang disusukan sebagaimana hubungan kekeluargaan disebabkan nasab (Meilia, 2019).

KESIMPULAN

Khasiat susu ibu terhadap kesihatan bayi, telah diiktiraf oleh Islam dan sains perubatan menyebabkan para ibu yang tidak berupaya menyusukan sendiri bayi mereka, memberikan bayi untuk disusukan oleh ibu lain atau ibu susuan. Namun berbangkit isu hukum syarak kesan daripada amalan penyusuan tersebut iaitu bayi yang disusukan oleh selain ibu kandungnya boleh menjadi anak susuan atau mahram kepada anak-anak ibu susuannya. Oleh itu amalan penubuhan Bank Susu juga tidak diharuskan di Malaysia, kerana keimbangan berlaku pertindanan nasab sesama anak susuan yang mengambil bekalan daripada Bank Susu. Justeru, amalan mendapatkan susu ibu, dengan penyusuan bayi kepada selain ibu kandungnya diharuskan namun perlu kepada pemantauan secara bertulis, bagi mengelakkan berlaku pertindanan mahram antara anak susuan dengan keluarga ibu susuannya. Dapatkan kajian yang dijalankan dalam kalangan wanita Muslim di Hulu Langat Selangor menunjukkan persepsi ibu susuan terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan (rekod amalan penyusuan antara ibu dan anak susuan) adalah sangat baik. Ini menunjukkan majoriti ibu susuan mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan dan keperluan dokumentasi penyusuan. Justeru, setiap pihak haruslah mengambil inisiatif memastikan amalan penyusuan dalam kalangan ibu susuan dan anak susuan selari dengan undang-undang Syari’ah Islamiyyah bagi mengelakkan berlakunya pertindihan mahram antara mereka.

RUJUKAN

- al-Qurān al-Karīm. 2010. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qurān*. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abu Dawud, Sulayman Ibn al-Ash‘ath al-Sajistani. 2004. *Sunan Abi Dawud*, Lubnan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Creswell, J. W. & Vicki LPiano Clark. (t.th.). *Designing and Conducting: Mixed Methods Research*. London: Sage Publications, 2007.
- Susanto, Hery, Rocky Wilar & Hesti Lestari. 2015. Faktor–Faktor Yang Mempengaruhi Pemberian Susu Formula Pada Bayi Yang Dirawat Di Ruang Nifas Rsup Prof. Dr. Rd Kandou Manado. *e-CliniC*, 3(1).
- Hidayah Mohammad. 2018. Pangkalan data ibu dan anak susuan. www.bhplus.com.my/wanita/keluarga/2018/09/474295/pangkalan-data-ibu-dan-anak-susuan. Dicapai pada 21 Oktober 2019
- Hussain, N. H. 2020. *Pembangunan dan Reka Bentuk BRESWORK_Apps: Modul Aplikasi Mudah Alih Penyusuan anak susuan untuk Wanita*. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 19 (1): 40-50.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2013, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwāl Uggama Islam Malaysia, 2011. Fatwa Isu-Isu Munakahat: Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwāl Uggama Islam Malaysia ISBN 978-983-042-526-9.
- Kamus Dewan (Edisi keempat). 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kent, G. (2006). Child feeding and human rights. *International breastfeeding journal*, 1(1), 1-12.
- Kramer, M. S, & Kakuma, R. 2002. *The optimal duration of exclusive breastfeeding. A systematic review (Cochrane Review)*. In: *The Cochrane Library*. Oxford, United Kingdom: Update Software.
- al-Maqdisi, Ibn Qudamah. (1997). *al-Mughni*. Riyadh: Dar al-Alim al-Kutub.
- Meilia, C. S. H. 2019. Analisis Hukum Islam Terhadap Implikasi Hukum Bagi Pengguna Donor Asi Melalui Akun Instagram@ donorasiinfo (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Normadiah Daud, Nadhirah Nordin, Zurita Mohd Yusoff & Rahimah Embong. 2016. *The development of milk bank according to Islamic law for preserving the progeny of baby*. In Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry (pp. 509-518). Springer, Singapore.
- Normadiah Daud & Zuliza Kusrin. 2014. Penyusuan anak susuan: prinsip, hak dan kewajipannya menurut perspektif Islam. *E-Jurnal Pengajian Islam KUIS* 7(1). h.155-173
- Normadiah Daud, Zuliza Mohd Kusrin, Salasiah Hanin Hamjah & Anwar Fakhri Omar. 2012. Penyusuan dan Bank Susu Menurut Islam. *Jurnal Islamiyyat*. 34/2012. h. 107-118.
- Ruwaida Md Zai. 2018. JAIS Perkenal Kad Daftar Ibu-Anak Susuan. *Harian Metro*: 19 November 2018.

- Safir, Halimatus Saadiah Mohamad, Dhamirah Nursakinah Mohamad Safir, and Siti Fatimah Salleh. 2020. Pengendalian Dokumentasi Anak Susuan Dalam Kalangan Ibu Susuan (Handling Of Breastfeeding Documentation Among Breastfeeding Mothers). *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 4(2), 67-77.
- al-Sharbajī, ‘A. M., & Mustafā Bughā. 1987. *al-Fiqh al-manhajī ‘ala madhdhab al-imām al-shāfi‘ī*. Damsyiq: Maṭba’ah al-Sabl.
- al-Siddiqi, Tahir Yusuf Siddiq. 2005, *Fiqh al- Mustajiddat Fi Bab al-Ibadat*, al-Urdun: Dar al-Nafa’is.
- Siti Fatimah Salleh, Mohd Zulkifli Muda & Saadan Man. 2015. Pengambilan Suntikan Hormon Sintetik Dalam Penyusuan: Dirasah Ta’siliyyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 192.
- Siti Fatimah, Salleh & Halimatus Saadiah, Mohamad Safir. 2017, Pengendalian Dokumentasi Amalan Penyusuan Anak Susuan Dalam Kalangan Ibu Susuan. In: *International Seminar On Islamic Jurisprudence In Contemporary Society (ISLAC 2017)*, 4-5 March 2017, UniSZA.
- Taqwa Zabidi. 2012. Penubuhan Bank Susu Ibu di Malaysia; Satu Analisis Hukum. *Jurnal Penyelidikan Islam* 25:169-193
- Zuhayli, Wahbah, 2010. *Mawsū‘ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadāya al-Mu‘āşirah*. Damsyiq: Dār al-Fikir.
- World Health Organization. (2009). *Infant and young child feeding: model chapter for textbooks for medical students and allied health professionals*. World Health Organization.
- Zaitie Satibi. 2017 *Ejen setempat lahir usahawan susu*.
<https://www.hmetro.com.my/agro/2017/09/260579/ejen-setempat-lahir-usahawan-susu>.
- Zanariah Dimon, Nora’inan, Norita & Norhayati. 2017. Kesedaran Masyarakat Islam Di Selangor Berkaitan Kesan Penyusuan Terhadap Anak Susuan. *3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC)*, Shah Alam, 15 November 2017.
- al-Zuhaylī. Wahbah. 1989. *Fiqh Islami wa Adillatuhu*. Jil 7. Beyrut: Dār al Fikr.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2016, Bayan Linnas, Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Siri 70, Isu Berkenaan Ibu Susuan dan Pelbagai Hukum, Kad atau Sijil Susuan.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2016. *Irsyad al-Fatwa Ke-153: Hukum Menjual Susu Ibu*. Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.